

UNDANG-UNDANG KECIL

CETAKAN SEMULA

**UNDANG-UNDANG KECIL
PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN
(MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA) 2013**

Mengandungi segala pindaan hingga 10 Disember 2020.

DITERBITKAN OLEH
JABATAN UNDANG-UNDANG
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
2021

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL
PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN
(MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA) 2013**

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-undang kecil

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN

3. Larangan mengadakan pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan tanpa lesen
4. Permohonan lesen
5. Fi tidak boleh dibayar balik
6. Deposit
7. Tempoh sah lesen
8. Pembaharuan lesen
9. Pindah milik lesen
10. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan
11. Penggantungan lesen
12. Pembatalan lesen
13. Penyerahan balik lesen
14. Mengembalikan lesen disebabkan pembatalan atau penggantungan, dsb.
15. Jenis rawatan hendaklah dinyatakan
16. Ketidaklayakan
17. Larangan

BAHAGIAN III

PEKERJA

Undang-undang kecil

18. Daftar pekerja
19. Pemeriksaan kesihatan
20. Pakaian seragam

BAHAGIAN IV

PREMIS

21. Papan tanda
22. Waktu menjalankan perniagaan
23. Penyekatan keseluruhan tempat mengurus, dsb. tidak dibenarkan
24. Pintu premis
25. Gantiudara dan cahaya
26. Peralatan mencegah kebakaran, tangga, jalan keluar dan pintu
27. Bekalan air
28. Kemudahan kebersihan
29. Penyelenggaraan kebersihan
30. Pembuangan sampah
31. Penyelenggaraan dan kebersihan am

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

32. Kuasa untuk menyiasat
33. Kuasa untuk masuk dan memeriksa
34. Pengeledahan
35. Pemeriksaan orang perempuan
36. Penyitaan
37. Pelucuthakan
38. Pelucuthakan jika ada pendakwaan
39. Pelucuthakan jika tiada pendakwaan
40. Tiada kos atau gantirugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapati
41. Kuasa menangkap
42. Kuasa untuk menutup
43. Majlis tidak bertanggung atas kehilangan atau kerosakan
44. Halangan, dsb.

BAHAGIAN VI

AM

Undang-undang kecil

45. Penalti
46. Pendakwaan
47. Pengkompaunan kesalahan
48. Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini
49. Pembatalan dan peruntukan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT KECANTIKAN DAN
PENJAGAAN KESIHATAN (MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Bandaraya Subang Jaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Subang Jaya) 2013**.
- (2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.
- (3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai kepada kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya sahaja.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“dadah berbahaya” hendaklah mempunyai makna yang sama di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234];

“dandan rambut” termasuklah gunting rambut, keriting rambut, mewarna rambut, mencukur, mensyampu dan operasi lain yang sama yang biasanya dilakukan oleh seorang pendandan rambut sama ada dengan menggunakan tangan, alat elektrik atau dengan menggunakan apa-apa serbuk, krim atau larutan atau dengan apa-apa gabungan kaedah itu;

“katil” termasuklah kerusi panjang atau kerusi yang boleh dijatuhkan bahagian belakangnya untuk pelanggan berbaring;

“kosmetik” ertinya apa-apa bahan atau sediaan yang digunakan atau boleh digunakan dalam atau untuk merawat atau menjaga kulit muka, kulit, rambut, gigi, kuku atau mana-mana bahagian badan dan termasuk kelengkapan dandanan diri;

“luas lantai” ertinya jumlah luas ruang lantai dalam sesuatu bangunan sebagaimana diukur dari sebelah luar dinding atau, berkenaan dengan dinding kongsi, diukur dari tengah-tengah dinding itu;

“Majlis” ertinya Majlis Bandaraya Subang Jaya;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar;

“Pegawai Kesihatan” hendaklah mempunyai makna seperti yang diberikan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*];

“pegawai perubatan” ertinya seorang pegawai perubatan yang digaji oleh Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*];

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang kepadanya lesen dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“pemunya” ertinya tuan punya berdaftar bagi tanah dan premis dan hendaklah termasuk ejen, pemegang amanah dan wakil tuan punya yang sah di sisi undang-undang, pemegang pajak, pemegang pajak kecil dan mana-mana orang yang pada masa ini menyewa premis yang berkaitan sama ada bagi faedah dirinya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah bagi mana-mana orang lain;

“penduduk” ertinya orang yang sebenarnya menduduki tanah atau premis yang mengenainya perkataan itu digunakan, atau yang berhak menjaga, mengurus atau mengawalinya sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen seorang lain, tetapi tidak termasuk seorang penginap;

“pelanggan” ertinya orang yang mendapatkan rawatan di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan;

“Pihak Berkuasa Melesen” ertinya Datuk Bandar atau Setiausaha suatu pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis untuk mengeluarkan lesen oleh Datuk Bandar;

“premis” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*];

“premis berlesen” ertinya mana-mana premis yang menjalankan apa-apa aktiviti pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan yang telah dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“pusat kecantikan” ertinya mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan rawatan kecantikan atau dandanan rambut tetapi tidak termasuk hospital atau klinik di mana pesakit dirawat di bawah pengawasan pegawai perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*], rumah sakit, rumah orang tua atau rumah untuk pemulihan atau mana-mana establisymen lain yang sama dengannya. Jenis rawatan adalah seperti di Jadual Kedua;

“pusat penjagaan kesihatan” ertinya mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan urutan, rawatan atau latihan kecergasan fizikal dengan atau tanpa peralatan. Jenis rawatan adalah seperti di Jadual Ketiga;

“rawatan” ertinya apa-apa rawatan kecantikan, rawatan kuku tangan dan kaki, dandanan rambut, mandi wap atau apa-apa mandian lain yang istimewa, rawatan kaki, rawatan menggunakan elektrik, melangsing badan atau apa-apa rawatan lain yang sama atau latihan kecergasan fizikal dengan atau tanpa peralatan;

“rawatan herba” ertinya apa-apa rawatan yang menggunakan bahan herba atau campuran bahan herba yang dihasilkan daripada proses pengeringan, perahan atau pengecuan, tetapi tanpa memenuhi apa-apa proses lain, bahan semula jadi atau daripada tumbuhan atau mineral atau apa-apa bahagian lain daripada bahan atau bahan-bahan sedemikian;

“rawatan kecantikan” ertinya apa-apa rawatan yang menggunakan kosmetik atau rawatan herba badan atau mana-mana bahagian badan, muka atau rambut untuk merawat atau memulihkan kulit badan atau muka, melangsingkan badan, urutan muka, dandanan rambut, rawatan kuku tangan dan kaki, sauna atau mandian herba tetapi tidak termasuk pembedahan plastik;

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya.

BAHAGIAN II

PELESENAN

Larangan mengadakan pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan tanpa lesen

3. (1) Tiada seorang pun boleh mengendalikan pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Tiada seorang pun boleh menguruskan pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan melainkan jika pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan itu ialah suatu pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan berlesen.

(3) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini-

- (a) seseorang yang merupakan pemunya, penerima pajak, penyewa utama, penghuni atau pengurus mana-mana premis yang digunakan sebagai pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, disifatkan sebagai mengendalikan pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan itu; dan
- (b) mana-mana orang yang pada masa itu terlibat dalam pengurusan atau mengawal pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan itu hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, disifatkan sebagai menguruskan pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan itu.

(4) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan.

Permohonan lesen

4. (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen hendaklah dibuat secara bertulis melalui borang atau apa-apa cara yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana pemohon supaya hadir sendiri atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut, semasa permohonan dibuat.

(3) Pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(4) Apabila permohonan itu diluluskan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah mengeluarkan lesen yang tertakluk kepada –

- (a) pembayaran deposit seperti jumlah yang ditetapkan oleh Majlis sebagai jaminan untuk memastikan bahawa peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan syarat lesen dipatuhi;
- (b) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan dalam Jadual; dan
- (c) apa-apa syarat atau sekatan yang dinyatakan di dalamnya.

(5) Lesen tersebut hendaklah dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(6) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengeluarkan lesen bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan boleh diperbaharui, tertakluk kepada permohonan pembaharuan yang dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen dan bayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan Ketiga.

(7) Pemegang lesen hendaklah mematuhi semua syarat dan sekatan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah subperenggan (4)(c).

(8) Mana-mana pemegang lesen yang gagal mematuhi perenggan (7) adalah melakukan suatu kesalahan.

Fi tidak boleh dibayar balik

5. Fi lesen yang telah dibayar di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dikembalikan.

Deposit

6. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh, sebelum memberikan sesuatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini, mengkehendaki mana-mana pemohon membayar deposit tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, dalam bentuk yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen bagi memastikan apa-apa syarat atau sekatan lesen itu dan peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dipatuhi dengan sewajarnya.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh, selepas memberi pemegang lesen peluang untuk didengar melucuthakkan deposit sepenuhnya atau sebahagian daripadanya sekiranya Pihak Berkuasa Melesen berpuashati bahawa terdapatnya pelanggaran syarat atau sekatan lesen atau pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(3) Lesen hendaklah digantung menurut perenggan 11(1) apabila deposit dilucuthakkan sepenuhnya atau sebahagian daripadanya, melainkan dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dengan permohonan dari pemegang lesen untuk meneruskan lesen di bawah perenggan (4) dan tertakluk kepada pembayaran semula atau penambahan semula deposit.

(4) Pemegang lesen boleh membuat permohonan untuk meneruskan lesen dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pelucuthakan deposit dan sekiranya tiada permohonan untuk meneruskan lesen dibuat dalam tempoh tersebut, lesen hendaklah terbatal secara sendirinya.

(5) Pembayaran deposit di bawah subperenggan 4(4)(a) hendaklah, melainkan dilucuthakkan menurut perenggan (2), dikembalikan kepada pemegang lesen selepas pemegang lesen menamatkan pengendalian pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan berlesen dan selepas penyerahan balik lesen kepada Pihak Berkuasa Melesen sekiranya lesen itu tidak tamat.

Tempoh sah lesen

7. Sesuatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu, hendaklah terus berkuat kuasa daripada tarikh pembayaran fi lesen mengikut tempoh yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen tidak melebihi tiga tahun.

Pembaharuan lesen

8. (1) Suatu permohonan memperbaharui lesen boleh dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen dalam masa tiga bulan sebelum tamat tempoh lesen dengan bayaran fi sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan Ketiga.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemohon memberikan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang difikirkan perlu semasa permohonan dibuat.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh memperbaharui lesen itu atau enggan memperbaharui lesen itu dan hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keputusannya itu.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemohon untuk menyelesaikan semua bayaran tertunggak termasuk kompaun kepada pihak Majlis sebelum meluluskan permohonan tersebut.

(5) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengenakan syarat baru apabila suatu lesen diperbaharui.

Pindah milik lesen

9. (1) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dipindah milik kecuali dengan kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Permohonan untuk memindah milik lesen hendaklah dibuat mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemegang lesen memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang didapati perlu semasa permohonan dibuat.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana pemegang lesen supaya hadir sendiri atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut, semasa permohonan dibuat.

(5) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemegang lesen untuk menyelesaikan semua bayaran tertunggak kepada pihak Majlis sebelum meluluskan permohonan tersebut.

(6) Bayaran pindah milik lesen hendaklah sebanyak dua puluh peratus daripada bayaran lesen yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan Ketiga.

(7) Mana-mana pemegang lesen yang membuat permohonan pindah milik lesen hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan ianya tidak akan dikembalikan.

(8) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan

10. (1) Seorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat di dalam pusat kecantikan atau penjagaan kesihatannya dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa.

(2) Seorang pemegang lesen yang gagal untuk mempamer atau mengemukakan lesen di bawah perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan bolehlah dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini, sebutan tentang sesuatu “lesen” hendaklah termasuk salinan lesen itu yang diperakui oleh Pihak Berkuasa Melesen sebagai salinan sebenar lesen itu dan salinan lesen yang diperakui hanya boleh dikeluarkan tertakluk kepada kadar bayaran dalam Jadual Pertama.

Penggantungan lesen

11. (1) Pihak Berkuasa Melesen hendaklah menggantung sesuatu lesen itu sementara menunggu keputusan dibuat di bawah perenggan 12(2) atau apabila deposit dilucuthakkan mengikut perenggan 6(2).

(2) Pemegang lesen hendaklah menghentikan dengan serta-merta operasi apa-apa aktiviti di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan yang telah digantung lesennya.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengambil tindakan di bawah undang-undang kecil 42 jika pemegang lesen gagal untuk memberhentikan operasi apa-apa aktiviti di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan di bawah perenggan (2).

(4) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (2) adalah melakukan suatu kesalahan.

Pembatalan lesen

12. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh membatalkan suatu lesen yang diberikan jika berpuas hati bahawa -

- (a) pemegang lesen itu melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau gagal mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan ke atasnya;
- (b) pemegang lesen itu telah sama ada berkaitan dengan permohonan lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, memberi kepada Pihak Berkuasa Melesen, dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat;
- (c) pemegang lesen itu menjalankan apa-apa aktiviti yang boleh memudaratkan kepentingan awam atau ekonomi;
- (d) pemegang lesen itu telah tidak menjalankan atau menguruskan suatu pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan yang dilesenkan selama tempoh enam bulan berturut-turut atau telah berhenti menjalankan atau menguruskan suatu pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan yang dilesenkan;
- (e) suatu perintah penggulungan telah dibuat terhadap pemegang lesen atau satu ketetapan bagi penggulungan sukarelanya telah diluluskan;
- (f) pemegang lesen itu telah disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan rasuah, fraud atau pecah amanah; atau

(g) pemegang lesen itu telah disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Sebelum membatalkan sesuatu lesen, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberikan kepada pemegang lesen itu notis bertulis mengenai niatnya untuk berbuat sedemikian dan mengkehendaki pemegang lesen itu mengemukakan representasi secara bertulis dalam tempoh tujuh hari dari tarikh notis itu sebab lesen itu tidak patut dibatalkan.

(3) Jika Pihak Berkuasa Melesen memutuskan untuk membatalkan lesen tersebut selepas pemegang lesen mengemukakan representasi dan Pihak Berkuasa Melesen tidak berpuashati dengan representasi yang diberikan atau jika pemegang lesen gagal untuk mengemukakan representasi dalam masa yang ditetapkan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberitahu pemegang lesen secara bertulis mengenai keputusannya itu dalam tempoh empat belas hari dari tarikh keputusan dibuat.

(4) Pembatalan suatu lesen hendaklah mula berkuat kuasa apabila habisnya tempoh empat belas hari dari tarikh notis pembatalan itu disampaikan kepada pemegang lesen.

(5) Jika suatu lesen telah dibatalkan di bawah perenggan (3), pemegang lesen yang lesennya dibatalkan hendaklah menghentikan dengan serta-merta operasi apa-apa aktiviti di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan. Pihak Berkuasa Melesen boleh mengambil tindakan di bawah undang-undang kecil 42 jika pemegang lesen gagal untuk memberhentikan operasi apa-apa aktiviti di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan.

(6) Jika pembatalan suatu lesen telah mula berkuat kuasa, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah seberapa segera -

(a) menyampaikan suatu salinan notis pembatalan lesen kepada pemegang lesen atau orang yang mengurus dan mengawal pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan yang dilesenkan; atau

(b) menampal suatu salinan notis pembatalan lesen pada tempat yang mudah dilihat di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan yang dilesenkan.

(7) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (5) adalah melakukan suatu kesalahan.

Penyerahan balik lesen

13. (1) Pemegang lesen atas apa-apa sebab yang munasabah boleh menyerah balik lesennya berserta dengan suatu notis bertulis mengenai penyerahan balik dan lesen tersebut hendaklah dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Penyerahan balik lesen itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh Pihak Berkuasa Melesen menerima lesen dan notis itu di bawah perenggan (1). Pemegang lesen hendaklah menghentikan dengan serta merta operasi apa-apa aktiviti di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan pada tarikh penyerahan balik lesen itu berkuat kuasa.

(3) Pemegang lesen itu hendaklah tidak lewat daripada empat belas hari selepas tarikh penyerahan balik lesen tersebut menampal satu notis sedemikian di tempat yang mudah dilihat di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan berlesen tersebut.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengambil tindakan di bawah undang-undang kecil 42 jika pemegang lesen gagal untuk memberhentikan operasi apa-apa aktiviti di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan di bawah perenggan (2).

(5) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (2) atau (3) adalah melakukan suatu kesalahan.

Mengembalikan lesen disebabkan pembatalan atau penggantungan, dsb.

14. (1) Jika terdapat pembatalan lesen di bawah undang-undang kecil 12 atau penggantungan lesen di bawah undang-undang kecil 11, pemegang lesen itu hendaklah dalam masa empat belas hari mengembalikan lesen asal tersebut kepada Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Jenis rawatan hendaklah dinyatakan

15. Lesen pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan hendaklah menyatakan jenis rawatan yang dibenarkan di premis tersebut.

Ketidaklayakan

16. Tiada lesen boleh dikeluarkan –

- (a) kepada seorang pemohon di bawah umur dua puluh satu tahun;
- (b) kepada seorang pemohon yang, berdasarkan rekod Pihak Berkuasa Melesen, merupakan pemegang lesen tetapi lesennya telah dibatalkan disebabkan kegagalan mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau telah melanggar mana-mana syarat atau sekatan lesen;
- (c) bagi mana-mana premis yang pada pendapat Pihak Berkuasa Melesen tidak sesuai untuk menjalankan suatu pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan;
- (d) sekiranya pemohon gagal memberikan akujanji bahawa orang yang berkelayakan sahaja akan diambil bekerja; atau
- (e) bagi pusat penjagaan kesihatan di mana apa-apa urutan atau rawatan penyembuhan lain diberi atau mungkin diberi oleh mana-mana orang yang pada pendapat Pihak Berkuasa Melesen tidak memiliki kelayakan teknik yang perlu.

Larangan

17. (1) Seseorang pemegang lesen tidak boleh –

- (a) membenarkan mana-mana orang yang diketahuinya atau disyaknya dengan munasabah menghidap sesuatu penyakit berjangkit atau penyakit boleh merebak memasuki pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan;
- (b) mengambil bekerja di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan mana-mana orang yang diketahuinya dan dipercayainya dengan munasabah menghidap suatu penyakit berjangkit atau penyakit boleh merebak;
- (c) berpakaian secara tidak sopan atau membenarkan pekerjaanya berpakaian secara tidak sopan di dalam pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan;
- (d) membenarkan mana-mana orang yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai mempunyai watak yang jahat berada di dalam pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan;
- (e) mengambil bekerja di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatannya mana-mana orang yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai ialah seorang pelacur atau seorang yang berkelakuan buruk;
- (f) mengambil bekerja di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatannya mana-mana orang di bawah umur lapan belas tahun;
- (g) mengambil bekerja tukang urut, di premis penjagaan kesihatan mana-mana orang di bawah umur dua puluh satu tahun;
- (h) membenarkan apa-apa perjudian, salah guna dadah berbahaya, pelacuran atau apa-apa bentuk perbuatan yang boleh menyebabkan gangguan, kacau ganggu, kecederaan atau bising kepada penduduk di kawasan persekitaran pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan;
- (i) membenarkan apa-apa makanan atau minuman yang memabukkan dihidangkan atau digunakan di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan;
- (j) menayangkan atau mempamerkan apa-apa gambar atau artikel yang kurang sopan di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan;
- (k) membenarkan di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan apa-apa rawatan yang tidak dinyatakan dalam lesen;
- (l) membenarkan mana-mana binatang yang akan menyebabkan kacau ganggu atau bising atau gangguan memasuki atau berada di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan;

- (m) mengadakan apa-apa hiburan di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan;
 - (n) mengunci pintu masuk ke pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan sewaktu perniagaan dijalankan; atau
 - (o) membenarkan rawatan dan urutan dilakukan di tempat selain daripada pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan yang dilesenkan kepadanya.
- (2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN III

PEKERJA

Daftar pekerja

18. (1) Pemegang lesen hendaklah mengadakan suatu daftar yang mengandungi nama, nombor kad pengenalan, alamat kediaman, kelayakan, gambar dan apa-apa butiran lain yang berkaitan dengan pekerja, tukang urut lelaki dan wanitanya dan hendaklah mengemukakan daftar itu untuk pemeriksaan bila masa dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pemegang lesen hendaklah apabila menggaji seseorang pekerja, menyerahkan butiran pekerja seperti yang disebutkan di bawah perenggan (1) kepada Pihak Berkuasa Melesen dan memaklumkan kepada Pihak Berkuasa Melesen apa-apa pertukaran butiran pekerja ataupun pertukaran pekerja.

(3) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

Pemeriksaan kesihatan

19. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan mana-mana orang yang memberikan rawatan dan urutan menjalani pemeriksaan kesihatan oleh seorang pegawai perubatan enam bulan sekali atau pada bila-bila masa sepertimana yang diarahkan oleh Pegawai Kesihatan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Pakaian seragam

20. (1) Pemegang lesen bagi pusat penjagaan kesihatan hendaklah memastikan mana-mana orang yang memberikan rawatan atau urutan memakai pakaian seragam yang sopan dan bersih seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN IV

PREMIS

Papan tanda

21. (1) Setiap pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mempamerkan di tempat yang mudah dilihat di luar pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan itu suatu papan tanda yang menunjukkan dengan jelas nama pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan itu dan nombor rujukan lesennya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Waktu menjalankan perniagaan

22. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan supaya mana-mana pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan tidak dibenarkan beroperasi di suatu tempat atau premis melainkan pada masa yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Penyekatan keseluruhan tempat mengurut, dsb. tidak dibenarkan

23. (1) Pemegang lesen tidak boleh menyekat keseluruhan atau membenarkan penyekatan keseluruhan tempat-tempat di dalam pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan yang digunakan untuk apa-apa urutan atau bagi apa-apa rawatan kecantikan atau apa-apa rawatan bagi memelihara mana-mana bahagian badan atau muka.

(2) Pemegang lesen boleh, di tempat-tempat yang digunakan untuk mengurut atau rawatan yang disebut dalam perenggan (1), memasang langsir seperti yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen untuk mengasingkan katil-katil dan apa-apa peralatan yang bersesuaian yang digunakan untuk mengurut atau merawat tetapi langsir itu tidak boleh melebihi dua meter tinggi dari lantai.

(3) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

Pintu premis

24. (1) Pintu masuk pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan hendaklah diliputi cermin telus bagi satu per empat daripada permukaannya dan pintu itu hendaklah tidak dikunci semasa waktu perniagaan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Gantiudara dan cahaya

25. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa –
- (a) terdapat cahaya yang terang dan mencukupi di dalam premisnya;
 - (b) terdapat pengudaraan yang mencukupi di dalam premis itu; dan
 - (c) setiap tangga, laluan dan jalan keluar kecemasan yang menjadi sebahagian daripada premis itu mendapat pencahayaan yang mencukupi.
- (2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Peralatan mencegah kebakaran, tangga, jalan keluar dan pintu

26. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa –
- (a) terdapat peralatan memadam api yang mencukupi yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan dipasang di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan itu dan berada dalam keadaan yang boleh digunakan;
 - (b) tangga dan jalan keluar yang mencukupi disediakan di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan itu dan dijaga dengan baik seperti yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Melesen; dan
 - (c) semua tangga, laluan, anjung tangga dan jalan keluar di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan itu bebas daripada halangan dan setiap pintu di dalam premis itu dibina dan dipasang supaya mudah dibuka pada setiap masa.
- (2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Bekalan air

27. (1) Bekalan air di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan hendaklah disambungkan terus kepada bekalan air awam.
- (2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Kemudahan kebersihan

28. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki pemegang lesen menyediakan tandas yang sesuai, sinki, besen membasuh dan bilik basuh menurut apa-apa cara dan jumlah yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiap-tiap tandas pada setiap masa dilengkapi dengan bekalan air yang mencukupi, bahan pencuci, bahan pewangi atau pewangi udara, bekas sampah dan alat pengering tangan elektrik, tuala gulung atau tuala bersih, kertas tisu, pili air dan baldi atau getah penyalur untuk bersuci.

(3) Pemegang lesen hendaklah memastikan semua tandas, sinki, besen membasuh, tempat membuang air kecil, bilik mandi dan alatan dan lekapan lain yang dipasang di dalamnya hendaklah dalam keadaan bersih pada setiap masa, diselenggarakan, dibaiki dan diganti apabila perlu dan jika dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Melesen pada bila-bila masa.

(4) Dinding tandas, bilik mandi dan tempat membuang air kecil hendaklah dibuat daripada jubin bersinar dan tingginya tidak kurang dari 1.5 meter dan lantai hendaklah dipasang jubin tidak licin.

(5) Setiap tandas, tempat membuang air kecil, bilik mandi dan bilik basuh hendaklah dibekalkan dengan lampu dan peredaran udara yang mencukupi atau sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(6) Setiap tandas, tempat membuang air kecil, sinki dan kotoran buangan lain hendaklah disalurkan sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(7) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tandas sentiasa dibuka untuk kegunaan mana-mana orang semasa waktu beroperasi.

(8) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

Penyelenggaraan kebersihan

29. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan –

- (a) semua tandas, pam, tempat buang air kecil, kelengkapan dan sistem saliran dalam pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan berada dalam keadaan bersih dan boleh digunakan;
- (b) semua bilik mandi, tab mandi dan sinki dalam pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan sentiasa berada dalam keadaan bersih; dan
- (c) semua laluan, anjung tangga, tangga dan laluan keluar yang menjadi sebahagian daripada pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan itu sentiasa bersih pada sepanjang masa.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Pembuangan sampah

30. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa –

- (a) tong sampah yang mencukupi disediakan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen;
- (b) semua sampah dimasukkan ke dalam beg plastik atau apa-apa bekas lain yang bersesuaian sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah; dan
- (c) semua sampah dibuang dengan cara yang telah ditetapkan oleh apa-apa peraturan berkaitan pembuangan sampah.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Penyelenggaraan dan kebersihan am

31. (1) Semua peralatan mekanikal dan elektrik yang digunakan di pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan hendaklah sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan.

(2) Semua halaman, kawasan, bahagian hadapan dan kawasan lapang yang menjadi sebahagian daripada suatu pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan hendaklah dijaga bersih dan bebas dari longgokan kotoran atau sampah sarap lain.

(3) Semua permukaan dalam dan luar struktur pusat kecantikan atau penjagaan kesihatan hendaklah diselenggara dengan baik sepanjang masa.

(4) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

Kuasa untuk menyiasat

32. Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Kuasa untuk masuk dan memeriksa

33. (1) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh pada setiap masa yang munasabah, tanpa waran dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat atau sekatan sesuatu lesen atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi –

- (a) memasuki mana-mana premis; dan
- (b) menjalankan apa-apa pemeriksaan di premis itu.

(2) Jika Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa ada sebab untuk mempercayai adanya berlaku suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini di mana-

mana premis, maka orang yang tinggal di dalam atau menjaga tempat itu hendaklah membenarkan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa itu masuk dengan bebas ke dalamnya, iaitu apabila diminta oleh mana-mana orang yang tersebut itu, dan memberikan segala kemudahan yang munasabah untuk menjalankan pengeledahan di dalamnya.

(3) Jika Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa tidak dapat masuk ke dalam mana-mana premis di bawah perenggan (2), maka adalah sah bagi Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa, setelah memperkenalkan dirinya dan memberitahu tujuan kemasukan itu kepada pemegang lesen atau pekerjanya, untuk memasuki ke dalam premis itu tanpa waran dan menggeledah tempat itu dan bolehlah memecahkan mana-mana pintu luar atau dalam atau tingkap supaya dapat masuk ke dalamnya.

(4) Apabila mana-mana premis yang hendak di geledah atau diperiksa di bawah Undang-Undang Kecil ini tertutup, maka pemegang lesen, pekerjanya atau orang yang menjaga premis itu, jika ada, hendaklah atas permintaan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa membuka atau menyebabkan premis itu dibuka, dan hendaklah membenarkan pegawai itu masuk apabila diminta olehnya dan hendaklah memberi segala kemudahan yang munasabah bagi menjalankan pengeledahan di dalamnya dan jika premis itu tidak dapat dimasuki, maka mana-mana pegawai tersebut boleh mengambil tindakan mengikut cara yang diperuntukkan oleh perenggan (3) jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan di tempat itu.

Pengeledahan

34. (1) Jika mana-mana Majistret, atas maklumat bertulis dan selepas siasatan yang difikirkannya perlu, mempunyai sebab untuk percaya bahawa –

- (a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana premis; atau
- (b) apa-apa keterangan atau benda yang perlu untuk penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh ditemui di mana-mana premis,

dia boleh melalui waran, membenarkan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang dinamakan dalam waran itu, dengan apa-apa bantuan yang diperlukan untuk masuk dan menggeledah tempat itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa ada alasan yang munasabah untuk percaya bahawa -

- (a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana premis; atau
- (b) oleh sebab apa-apa kelengahan untuk mendapatkan waran geledah tujuan pengeledahan itu mungkin akan terkecewa,

maka Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh tanpa waran memasuki dan menggeledah tempat itu dan memeriksa mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya mempunyai kaitan dalam pengurusan premis itu.

Pemeriksaan orang perempuan

35. Tiada orang perempuan boleh diperiksa di bawah undang-undang kecil 32, 33 atau 34 kecuali oleh seorang perempuan lain dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan memberikan perhatian teliti kepada kesopanan.

Penyitaan

36. (1) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menjalankan kuasa di bawah undang-undang kecil 32, 33 atau 34, boleh menyita apa-apa benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyita apa-apa benda di mana-mana premis di bawah perenggan (1) hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen, penghuni atau pemunya premis itu, atau pengkhidmat atau ejennya, yang berada di premis itu.

(3) Jika premis itu tidak berpenghuni, Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyita itu hendaklah bilamana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

(4) Apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara menyelak benda itu dalam premis yang di dalamnya ia dijumpai atau menyelak mana-mana premis bagi maksud penyitaan premis tersebut.

(6) Mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam perenggan (5) atau memindahkan apa-apa benda yang dilak atau cuba berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan.

Pelucuthakan

37. Semua benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dilucuthakkan.

Pelucuthakan jika ada pendakwaan

38. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka pelucuthakkan atau pelepasan mana-mana benda sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah mahkamah yang di hadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa -

- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan
- (b) mana-mana benda ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

mahkamah hendaklah melucuthakkan benda itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua benda yang dilucuthakkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Melesen dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Pihak Berkuasa Melesen itu.

Pelucuthakan jika tiada pendakwaan

39. (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang telah disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucuthak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu mengikut cara yang dinyatakan dalam perenggan (2).

(2) Mana-mana orang yang mengatakan bahawa dia adalah pemunya apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini dan bahawa benda itu tidak boleh dilucuthakkan boleh, sama ada sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Pihak Berkuasa Melesen bahawa dia menuntut benda yang disita itu.

(3) Apabila Pihak Berkuasa Melesen menerima notis di bawah perenggan (2), dia boleh mengarahkan supaya benda itu dilepaskan dengan atau tanpa kos atau supaya perkara itu dirujukkan kepada seorang Majistret.

(4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat di bawah perenggan (3) hendaklah mengeluarkan saman mengkehendaki -

- (a) orang yang menuntut bahawa dia adalah pemunya benda yang disita; dan
- (b) orang yang daripadanya benda itu disita,

hadir di hadapannya pada hari yang ditetapkan dalam saman itu.

(5) Pada hari yang ditetapkan di bawah perenggan (4), dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang disebut dalam subperenggan 4(a) dan 4(b), Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu, walaupun mana-mana orang itu tidak hadir.

(6) Jika, setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah perenggan (5) berkenaan dengan sesuatu benda, Majistret berpuas hati bahawa -

- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan
- (b) benda itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Majistret itu hendaklah memerintahkan pelucuthakan benda itu, tetapi jika Majistret tidak berpuas hati sedemikian, dia hendaklah memerintahkan supaya benda itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada benda itu.

Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

40. Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa benda yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain.

Kuasa menangkap

41. (1) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis boleh menangkap tanpa waran seseorang yang melakukan di hadapannya atau yang dia dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini—

- (a) jika nama atau alamat orang itu tidak diketahui olehnya dan orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau
- (b) jika ada sebab bagi meragukan yang nama atau alamat itu tepat.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah ditahan dan dibawa ke hadapan Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam melainkan jika nama dan alamatnya dapat ditentukan terlebih dahulu daripada itu.

Kuasa untuk menutup

42. (1) Tanpa menjejaskan perjalanan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah undang-undang kecil 32, 33 atau 34, Pihak Berkuasa Melesen boleh, dengan serta-merta mengambil langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup mana-mana premis jika dia berpuas hati bahawa —

- (a) telah berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat atau sekatan lesen;

- (b) penutupan itu adalah perlu untuk kepentingan awam, kesihatan atau moral; atau
- (c) lesen tersebut telah diperolehi secara tidak wajar atau menyalahi undang-undang.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh menutup mana-mana premis jika berpuas hati bahawa premis itu tidak mempunyai lesen atau beroperasi tanpa lesen yang sah.

Majlis tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan

43. Majlis atau pegawai diberi kuasa yang menguatkuasakan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini tidak bertanggungjawab atas apa-apa kehilangan atau kerosakan yang berlaku akibat dari penguatkuasaan sedemikian.

Halangan, dsb.

44. Seseorang yang pada bila-bila masa menghalang, mengganggu atau menyerang Datuk Bandar, Ahli Majlis, pegawai atau pekerja Majlis pada menjalan dan melaksanakan kewajibannya atau yang membuang apa-apa tanda yang diletakkan bagi maksud menandakan sesuatu aras atau arahan yang perlu bagi menjalankan kerja adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI

AM

Penalti

45. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan yang berterusan dilakukan setelah sabitan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

Pendakwaan

46. Suatu pendakwaan bagi mana-mana suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan secara bertulis daripada Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

47. (1) Datuk Bandar, Setiausaha, Pegawai Undang-Undang atau Penolong Pegawai Undang-Undang Majlis boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan

kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit kecuali bagi kesalahan di bawah perenggan 10(1) adalah kesalahan yang boleh dikompaun dengan jumlah tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Datuk Bandar, Setiausaha, Pegawai Undang-Undang atau Penolong Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu tawaran kompaun di bawah perenggan (1) telah dibuat pembayaran, tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini

48. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh mengurangkan kuasa seseorang pegawai polis untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Pembatalan dan peruntukan peralihan

49. (1) Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Perbandaran Subang Jaya) 2007 [*Sel. P.U. 79/2007*] dibatalkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah, setakat yang notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen itu selaras dengan Undang-Undang Kecil ini, terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

**FI PEMROSESAN LESEN
[perenggan 4(3) dan 9(7)]**

(a)	Borang	:	RM 5.00
(b)	Pusat kecantikan	:	RM 50.00
(c)	Pusat penjagaan kesihatan	:	RM 50.00

**FI SALINAN LESEN DIPERAKUI
[perenggan 10(3)]**

(a)	Borang	:	RM 5.00
(b)	Pemprosesan	:	RM 50.00

**FI PINDAH MILIK LESEN
[perenggan 9(7)]**

(a)	Borang	:	RM 5.00
(b)	Pemprosesan	:	RM 50.00

JADUAL KEDUA

[perenggan 8(1) dan 9(6)]

Pusat Kecantikan

<i>Keluasan lantai:</i>	Fi setahun
(a) Tidak melebihi 60 meter persegi	RM 100.00
(b) 61 hingga 100 meter persegi	RM 200.00
(c) 101 hingga 200 meter persegi	RM 300.00
(d) Melebihi 201 meter persegi	RM 500.00

Jenis Rawatan

- (a) Rawatan muka
- (b) Merias kuku tangan dan kaki
- (c) Menanggalkan bulu badan
- (d) Dandan rambut
- (e) Mencacah
- (f) Solekan dan/atau andaman
- (g) Melangsingkan badan
- (h) Mandi herba, susu dan bunga
- (i) Lulur
- (j) Rawatan kecantikan lain yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

JADUAL KETIGA

[perenggan 8(1) dan 9(6)]

Pusat Penjagaan Kesihatan

<i>Keluasan lantai:</i>	Fi setahun
Bagi setiap 10 meter persegi atau sebahagiannya	RM 100.00

Jenis Rawatan

- (1) Urutan
 - (a) Urutan tradisional
 - (b) Urutan orang kurang upaya
 - (c) Refleksologi
 - (d) Aromaterapi
 - (e) Urutan moden yang menggunakan sebarang alat
 - (f) Fisioterapi
- (2) Sauna/spa dan jakuzi
- (3) Aerobik/ pusat kecergasan /gimnasium
- (4) Meditasi
- (5) Akupunktur
- (6) Bekam
- (7) Rawatan kesihatan lain yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya dalam mesyuaratnya pada 27 Februari 2013.
[MPSJ/JUU/100-1/16; P.U. Sel. Am 0068/2012]

DATO' ASMAWI BIN KASBI
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Subang Jaya